

MALAYSIAN JOURNAL OF SYARIAH AND LAW

Vol. 7, No. 2 (December) 2019

eISSN: 2590-4396



**A refereed journal published by the Faculty of Syariah and Law,
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)**

MALAYSIAN JOURNAL OF SYARIAH AND LAW

Malaysian Journal of Syariah and Law (MJS�) **Online ISSN: 2590-4396 and Print ISSN: 1985-7454** is a refereed journal published by the Faculty of Syariah and Law at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). It is published twice a year, in June and December. The main objective of its publication is to provide an appropriate channel for information and research publication, case studies and book reviews related to Syariah and Law based on original research and ideas by the respective authors.

The journal serves as a platform for sharing ideas and experiences related to the research, development and application of Syariah and Law worldwide.

The editorial board welcomes original contributions (written in Bahasa Melayu, English and Arabic) which have never been published or considered for publication by any other publishers.

Website: <http://mjsl.usim.edu.my>

E-mail: mjsl.editor@usim.edu.my



MALAYSIAN JOURNAL OF SYARIAH AND LAW (MJSL)

EDITORIAL BOARD

Editor in Chief

Prof. Dr. Abdul Samat Musa (USIM)

Managing Editor

Dr. Mualimin Mochammad Sahid (USIM)

Editors

Dr. Muhammad Nizam Awang @ Ali (USIM)

Dr. Yayan Sopyan, S.H., M.Ag (UIN Jakarta)

Dr. Elsaddig Dawelnor Abdelgadir Fadel Seed (University of Khartoum, SUDAN)

Dr. Ahmad Syukran bin Baharuddin (USIM)

Dr. Asman Taeali (Prince Songkla University, THAILAND)

Dr. Abdul Hanan Alissa (Faculty of Islamic Studies, Centre for Distance Learning, Muscat,
OMAN)

Dr. Setiyawan Gunardi (USIM)

Dr. Muneer Ali Abdul Rab (USIM)

Dr. Hendun bt Abd Rahman Shah (USIM)

Dr. Adzidah binti Yaakob (USIM)

Dr. Amalina Ahmad Tajuddin (USIM)

Dr. Fithriah Wardi (USIM)

Dr. Fadhlina bt Alias (USIM)

Dr. Amer Abdulwahab Mahyoub Murshed (UM)

INTERNATIONAL ADVISORY BOARD

Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood (IIUM)

Prof. Dr. Dermot Cahill (Bangor University, UNITED KINGDOM)

Prof. Dato' Dr Rahmat Mohamad (UiTM)

Assoc. Prof. Dr. Yusuf Abdul Azeez (University of Modern Sciences Dubai, UAE)

Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin (ISRA, Malaysia)

Prof. Dr. Akbarizan (UINSUSKA, Riau)

Prof. Dato' Dr. Ahmad Hidayat Buang (UM)

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Tholabi, M.A. (UIN Jakarta)



CABARAN PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI NEGERI MELAKA

The Challenges of Implementing the Enforcement of Syariah Criminal Law in Malacca

ⁱZurul Iman Bin Zakaria, ⁱⁱZaini Bin Nasohah

Pusat Fiqh Kontemporari dan Pematuhan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

*(Corresponding Author): zizaim@yahoo.com

ABSTRAK

Pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia sering menimbulkan komen negatif dan polemik di kalangan masyarakat Islam. Masyarakat sering mempersoalkan sejauh manakah tahap penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah dijalankan dalam membendung aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan Hukum Syarak. Artikel ini bertujuan mengkaji sejauh manakah pelaksanaan undang-undang jenayah syariah dilaksanakan khususnya di Negeri Melaka sepertimana yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991. Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan pendekatan analisis dokumen dalam pengumpulan data. Hasil kajian ini mendapati tindakan penguatkuasaan tidak dilaksanakan secara menyeluruh. Hanya terdapat 27 jenis kesalahan yang ditangani oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dengan memberi penumpuan utama kepada kategori kesalahan berhubung dengan seksual. Terdapat 8 jenis kesalahan jenayah syariah yang lazim berlaku di Negeri Melaka iaitu kesalahan bersekediaman, perbuatan tak sopan, hamil luar nikah, berjudi, subahat persetubuhan haram, menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan, pungutan tak sah dan minum minuman memabukkan. Oleh itu, kajian lanjut perlu dilakukan dalam membantu Bahagian Penguatkuasaan mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam penguatkuasaan dan seterusnya memperbaiki serta mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut dalam mempertingkatkan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah.

Kata kunci: *Kesalahan Jenayah Syariah, Penguatkuasaan, Pegawai Penguatkuasa Agama, Bahagian Penguatkuasaan, JAIM.*

ABSTRACT

The implementation of Syariah criminal law enforcement in Malaysia often invites negative comments and polemic among the Muslim society. They always question the effectiveness of the implementation of this Syariah criminal law enforcement in curbing the activities that are against the Islamic rules. This article aims to examine to what extent the Syariah criminal law enforcement is implemented as provided under the Syariah Offences Enactment (Melaka state) 1991. This is a qualitative study which utilises documents analysis approach in its data collection. The study found that there were only 27 types of offences dealt with by the Enforcement Division of JAIM with concentration given related to sexual offences category. There are 8 types of Syariah criminal offences that frequently occur in Malacca. They are cohabitation, indecent acts, adolescent pregnant out of wedlock, gambling, illegal sexual intercourse abetment, selling and eating food during Ramadan, illegal/unauthorized collection and drinking intoxicating drinks. Hence, further studies should be undertaken to assist the Enforcement

Division in identifying the weaknesses in enforcing the law and thereby able to improve and overcome the weaknesses in enhancing the Syariah criminal law execution.

Keyword (s): *Syariah Criminal Offences, Enforcement, Religious Enforcement Officers, Enforcement Division, JAIM.*

Pendahuluan

Undang-Undang Islam merupakan syariat yang bersumberkan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT iaitu melalui Al-Quran dan Hadis. Undang-undang Islam atau syariat yang digariskan oleh syarak adalah bersesuaian dengan fitrah dan kehidupan manusia. Skop syariat adalah luas dan menyeluruh meliputi soal ibadah, kekeluargaan, jenayah, muamalat, siasah dan lain-lain (Yusof Al-Qaradawi, 1998). Tujuan pensyarian undang-undang Islam ialah bagi memelihara Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, menjaga nyawa, menjaga akal, menjaga keturunan, dan menjaga harta. Setiap Muslim perlu memahami Maqasid Syariah yang merupakan tujuan atau makna dikehendaki syarak dalam pensyarian hukum-hakam bagi menjaga kemaslahatan manusia (Zulkifly Muda, 2010). Maqasid syariah menjadi tunjang dan asas kepada syariat termasuk dalam perundangan jenayah syariah yang berteraskan kepada hudud, qisas dan takzir dalam memelihara kemaslahatan umat Islam keseluruhannya.

Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah telah lama dilaksanakan selaras dengan perkembangan agama Islam di Malaysia. Undang-Undang Islam merupakan sebahagian daripada asas undang-undang negara (Hussin Che pa et al.2016). Sejarah pelaksanaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia dapat dibuktikan melalui catatan Batu Bersurat bertarikh 22 Februari 1303M mengenai kesalahan dan hukuman zina yang dijumpai di Terengganu pada tahun 1898 dan dalam Undang-Undang Melaka mengenai peruntukan jenayah syariah berkaitan hudud, diyat, qisas dan takzir (Paizah Hj Ismail, 2007). Perkembangan undang-undang jenayah syariah di Malaysia mengalami beberapa fasa atau peringkat perubahan sehingga negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Selepas kemerdekaan, sistem pentadbiran undang-undang di Malaysia mempunyai 2 pentadbiran yang berbeza iaitu struktur Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah (Siti Zubaidah Ismail, 2014). Setiap mahkamah mempunyai bidang kuasa yang berbeza selaras dengan peruntukkan yang terdapat di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Agama Islam yang diperuntukkan kepada negeri-negeri. Pelaksanaan undang-undang jenayah syariah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah yang terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri selaras dengan Jadual Kesembilan, Senarai II, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan dan pelaksanaannya masih berterusan sehingga kini.

Walaubagaimanapun, pelaksanaan undang-undang jenayah syariah sering menimbulkan persepsi negatif dan menjadi kritikan dalam masyarakat. Konsep jenayah syariah yang dikategorikan jenayah tanpa mangsa atau *victimless* (Siti Zubaidah Ismail, 2008; Siti Zubaidah Ismail, 2014; Ibrahim Deris & Hanifah Haidar, 2015) menyebabkan berlakunya kritikan dan kontroversi di kalangan masyarakat yang menganggap mencampuri urusan peribadi mereka (Ibrahim Deris & Hanifah Haidar, 2015; Alias Azhar; 2018) serta bertentangan dengan kebebasan dan hak asasi manusia (Syed Salim Syed Shamsuddin & Hasnizam Hashim, 2017). Antara kritikan-kritikan yang sering diperkatakan dari sudut pelaksanaannya ialah Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) tidak menjalankan tugas dengan profesional, tidak adil, tidak mengikut prosedur, melanggar hak asasi dan sebagainya. Selain itu, perbincangan dan kritikan turut melibatkan peruntukan undang-undang itu sendiri dengan menganggap, undang-undang jenayah syariah sebagai tidak praktikal, kabur, lemah, tidak dilaksanakan secara menyeluruh serta gagal untuk mengatasi perbuatan-perbuatan bertentangan dengan Hukum Syarak yang berlaku di kalangan masyarakat. Kritikan-kritikan yang diberikan terhadap Pihak Berkuasa Agama tentunya perlu dikaji agar kelemahan-kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah boleh diperbaiki dan diperkemas bagi menangkis persepsi negatif di kalangan masyarakat Islam. Artikel ini akan membincangkan mengenai sejauh

manakah pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Negeri Melaka dalam menguatkuasakan peruntukan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan. Pengumpulan data melalui kaedah analisis dokumen. Pada amnya, analisis dokumen ialah pecahan kaedah pengumpulan data penyelidikan daripada analisis kandungan yang merupakan huraian objektif terhadap mesej komunikasi yang telah dicetak, disiarkan atau digambarkan. Dalam kata lain, bahagian mesej itu dapat didengar, diperoleh dan dilihat dengan merujuk kandungan teks pada perkataan, maksud, gambar, simbol, idea, tema, atau apa-apa sahaja mesej yang telah dikomunikasikan (Sabitha Marican, 2009; Babbie, 2010). Maklumat yang relevan berkaitan isu dan masalah yang dikaji dapat dikumpulkan melalui analisis dokumen. Dalam kajian ini, analisis dokumen yang berkaitan dan signifikan seperti buku-buku, jurnal, kertas kerja, tesis, projek ilmiah, artikel, statut, dokumen dan statistik kes kesalahan syariah dilakukan bagi mendapatkan gambaran jelas tentang pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah khususnya di Negeri Melaka. Data kajian ini dianalisis secara diskriptif dan komparatif.

Pengertian Jenayah

Dalam istilah undang-undang, definisi jenayah membawa maksud apa-apa perbuatan atau peninggalan yang dilakukan oleh manusia dengan pertimbangan diri sendiri terhadap sesuatu yang ditegah oleh sesebuah kerajaan yang mengakibatkan dirinya boleh dihukum oleh undang-undang dengan hukuman melalui prosiding mengikut sifat, tahap dan kesan terhadap masyarakat (Kamus Undang-Undang, 2008). Selain itu, jenayah juga boleh ditafsirkan sebagai perbuatan yang bertentang dengan undang-undang sesebuah negara yang boleh memberi kesan kepada kehidupan masyarakat (Suryati Ishak, 2016). Justeru, jenayah merujuk kepada sesuatu perbuatan yang dilakukan oleh seseorang yang bertentangan dengan ketetapan kerajaan melalui undang-undang atau peraturan yang berkuat kuasa dan pelakunya boleh dihukum kerana ingkar dengan peruntukan hukuman tertentu. Dalam perundangan Islam, golongan sarjana merujuk istilah *al-jinayah* kepada *al-jarimah* (Ibnu Manzur, 1999; Abd Qadir Awdah, t. th) yang mempunyai maksud dan makna sama dari sudut bahasa dan Istilah. Perkataan *al-jinayah* berasal daripada perkataan *jana* yang bererti dosa (Sa^cadi Abu Habib, 1993; Ibrahim Anis, 2004). Manakala perkataan *al-jarimah* daripada perkataan *al-jurmu* yang bermaksud dosa (Ibnu Manzur, 1993; Ibrahim Anis, 2004). Justeru, dapat dilihat istilah *al-jinayah* dan *al-jarimah* dari sudut bahasa tiada perbezaan dan memberi makna yang sama iaitu dosa. Secara umumnya, jenayah merujuk kepada perbuatan berdosa dan jahat yang dilakukan oleh manusia (Abd Qadir Awdah, t. th) dan diwajibkan balasan dan hukuman ke atas pelakunya di dunia dan akhirat (Abdullah al-Sahli, 2004). Selain itu, jenayah juga membawa makna semua perbuatan yang diharamkan dan dilarang Allah SWT melalui hukum syarak dengan *had* (hukuman) dan takzir (al-Mawardi, 1989) sama ada perbuatan tersebut berlaku ke atas jiwa, harta dan sebagainya (Abd Qadir Awdah, t. th). Istilah jenayah tidak banyak digunakan oleh ulama Fikah klasik kerana mereka lebih cenderung menggunakan istilah yang lebih khusus dan berasingan iaitu hudud, qisas dan takzir (Mohd Mustaffa Jusoh et al., 2017).

Dalam konteks Malaysia, adalah dianggap sebagai melakukan jenayah sekiranya seseorang individu melakukan sesuatu perbuatan yang bertentangan dengan undang-undang yang berkuat kuasa sama ada undang-undang jenayah sivil ataupun undang-undang jenayah Islam (Syariah). Undang-Undang jenayah Islam merujuk kepada peruntukan-peruntukan tentang hukum jenayah Islam di bawah kuasa-kuasa Mahkamah Syariah di negeri-negeri di Malaysia (Paizah Hj Ismail, 2007). Manakala penguatkuasaan jenayah Syariah merujuk kepada pelaksanaan mana-mana undang-undang Islam yang sedang berkuat kuasa di bawah mana-mana peruntukan melalui akta/ordinan/enakmen

undang-undang jenayah Syariah negeri-negeri (Siti Zubaidah Ismail, 2008) dan tindakan penguatkuasaan dilakukan oleh pegawai penguatkuasa agama (PPA) yang berbidang kuasa (Siti Rahmaniah Bachok, 2010). Undang-undang jenayah Syariah perlu dipatuhi oleh setiap masyarakat Islam dan seseorang dianggap sebagai melakukan jenayah sekiranya melakukan pelanggaran peruntukan undang-undang jenayah Syariah yang berkuat kuasa. Dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah di negeri-negeri, tanggungjawab ini diletakkan di bawah agensi atau jabatan kerajaan iaitu pihak berkuasa agama melalui Jabatan Agama Islam negeri, Bahagian/Jabatan Pendakwaan negeri dan Mahkamah Syariah negeri.

Bidang Kuasa Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia

Dalam melaksanakan penguatkuasaan mana-mana undang-undang, ianya perlu ada bidang kuasa yang ditetapkan bagi memberi keupayaan kepada individu atau agensi untuk melakukan tindakan. Bidang kuasa juga memberikan hak kepada setiap orang atau agensi dengan mempunyai kuasanya tersendiri mengikut had-had kuasa yang ada padanya. Kuasa undang-undang jenayah Syariah adalah berdasarkan kepada undang-undang tertinggi Malaysia iaitu Perlembagaan Persekutuan (Zulfikri Yaso, 2008). Bidang kuasa berkaitan hal ehwal agama Islam adalah terletak di bawah kuasa negeri. Jadual ke Sembilan, Senarai II Perlembagaan Persekutuan menetapkan Senarai Negeri;

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan perbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan, mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Berasaskan kuasa yang diberikan oleh Perlembagaan Persekutuan, negeri-negeri di Malaysia menubuhkan Mahkamah Syariah masing-masing dan mewujudkan apa-apa undang-undang melibatkan orang Islam yang berkaitan diri dan keluarga termasuk undang-undang jenayah Syariah. Justeru, setiap negeri di Malaysia telah mewujudkan undang-undang jenayah Syariah di negeri masing-masing yang hanya tertakluk kepada orang Islam sahaja. Bagi kesalahan di bawah peruntukan undang-undang jenayah Syariah di Malaysia yang berkuat kuasa di negeri-negeri, secara umumnya kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan adalah dikategorikan sepertimana berikut (Jasri Jamal & Hasniza Hashim, 2014; Musa Awang, 2015):

- i. Kesalahan berhubung dengan akidah seperti ajaran salah, murtad, pemujaan salah, doktrin palsu dan sebagainya.
- ii. Kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya seperti menghina Pihak Berkuasa Agama, ingkar fatwa, menghina Ayat Al-Quran dan hadis dan lain-lain.

- iii. Kesalahan berhubung dengan rukun Islam, Arak, Judi dan Kesusilaan seperti minum minuman memabukkan, khalwat, berjudi, tidak menghormati bulan Ramadhan dan sebagainya.
- iv. Kesalahan Seksual seperti melahirkan anak luar nikah, musahaqah, liwat, sumbang mahram, melacurkan diri, muncikari dan sebagainya.
- v. Kesalahan berhubung dengan kesejahteraan orang lain seperti mengganggu rumah tangga orang lain/isteri orang dan sebagainya.
- vi. Kesalahan Pelbagai iaitu kesalahan-kesalahan lain yang tidak termasuk kategori di atas.

Selain itu, kesalahan jenayah Syariah juga terdapat dalam akta/enakmen/ordinan undang-undang keluarga Islam di negeri-negeri atau juga dirujuk sebagai kes-kes kesalahan matrimoni. Kesalahan-kesalahan tersebut (Jasri Jamal & Hasniza Hashim, 2014; Musa Awang, 2015): ialah

- i. Penalti kesalahan berhubung akad nikah dan pendaftaran perkahwinan seperti lewat daftar, gangguan perkahwinan, akuan atau pernyataan palsu dan akad nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan.
- ii. Penalti am seperti poligami tanpa kebenaran Mahkamah, cerai luar Mahkamah, menganiaya isteri atau suami dan sebagainya.

Bagi bidang kuasa hukuman, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa berhubung dengan kesalahan-kesalahan dan peruntukan hukuman yang telah ditetapkan. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 hanya memperuntukkan hukuman bagi kesalahan jenayah syariah ialah di penjara maksimum atau tidak melebihi 6 bulan atau denda tidak melebihi RM 1000 atau kedua-duanya sekali. Walaubagaimanapun, bidang kuasa hukuman Mahkamah Syariah diperluaskan melalui Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984) di mana, hukuman boleh dijatuhkan ialah penjara yang tidak melebihi 3 tahun atau apa-apa denda tidak melebihi RM 5,000.00 atau sebat 6 rotan atau gabungan semua hukuman tersebut (Shamrahayu A. Aziz, 2007). Justeru, setiap negeri adalah terikat dengan had ini dalam memperuntukkan hukuman bagi undang-undang jenayah Syariah yang berkuat kuasa di negeri masing-masing.

Pelaksanaan Penguatkuasaan Jenayah Syariah di Negeri Melaka

i. Peruntukan Kesalahan Jenayah Syariah di Negeri Melaka

Secara umumnya, orang Islam di Negeri Melaka tertakluk kepada undang-undang jenayah Syariah. Namun, terdapat undang-undang persekutuan iaitu undang-undang jenayah sivil yang juga perlu dipatuhi oleh orang Islam. Antara contoh kesalahan jenayah sivil seperti merompak, peras ugut, rogol, membunuh, melakukan kekerasan dan sebagainya seperti yang terdapat dalam Kanun Keseksaan atau Akta 574. Justeru, orang Islam perlu juga mematuhi undang-undang sivil sepertimana yang telah ditetapkan oleh kerajaan Persekutuan dan sebarang pelanggaran menyebabkan seseorang boleh dihukum di bawah peruntukan tersebut.

Di Negeri Melaka, penguatkuasaan kesalahan jenayah Syariah dikuatkuasakan berdasarkan peruntukan yang telah digubal iaitu peruntukan di bawah Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka (EKSNM) 1991. Kesalahan ini tertakluk dan diguna pakai kepada masyarakat Islam di Negeri Melaka yang melakukan pelanggaran terhadap mana-mana peruntukan di bawah enakmen ini dan kesalahan tersebut berlaku di dalam negeri ini. Peruntukan kesalahan jenayah Syariah (selain matrimoni) adalah terdapat dalam EKSNM 1991. Dalam enakmen ini, terdapat 94 seksyen keseluruhannya dan dibahagikan kepada empat bahagian iaitu;

- a. Bahagian I: Permulaan

- b. Bahagian II: Kecualian am
- c. Bahagian III: Subahat
- d. Bahagian IV: Kesalahan-Kesalahan lain

Daripada 94 peruntukan keseluruhannya, hanya 59 peruntukan melibatkan kesalahan() iaitu 47 jenis kesalahan yang diperuntukkan di bawah bahagian IV (Kesalahan lain-lain) dan 12 jenis kesalahan di bawah bahagian III (berkaitan kesalahan subahat) dalam EKSNM 1991. Berdasarkan pembahagian kesalahan-kesalahan dalam EKSNM 1991, didapati peruntukan-peruntukan tidak dibahagikan secara khusus seperti kesalahan berkaitan akidah, kesalahan berkaitan seksual, kesalahan berkaitan kesucian agama Islam dan sebagainya. Sebaliknya, peruntukan kesalahan diletakkan dalam satu bahagian yang sama iaitu dalam Bahagian III bagi kesalahan yang berkaitan dengan subahat dan Bahagian IV merujuk kepada kesalahan-kesalahan lain seperti bersekediaman, hamil luar nikah, perbuatan tak sopan, melacurkan diri dan sebagainya. Walau bagaimanapun, jika dilihat inti pati peruntukan kesalahan, ia adalah sama sepertimana kategori-kategori kesalahan yang wujud dalam undang-undang jenayah Syariah negeri-negeri lain walaupun tanpa dibahagikan atau dikategorikan secara khusus.

Selain itu, kesalahan-kesalahan yang terdapat di dalam EKSNM juga didapati bukan daripada kesalahan berkaitan hudud dan qisas, tetapi merupakan hukuman takzir yang tertakluk kepada bidang kuasa hukuman di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan 1984). Daripada 59 peruntukan kesalahan, analisis mendapati hanya 1 hukuman di dalam EKSNM 1991 yang memperuntukkan hukuman maksimum iaitu bagi kesalahan di bawah Seksyen 58 persetubuhan luar tabii yang memperuntukkan hukuman penjara tidak lebih 36 bulan atau didenda tidak melebihi RM 5000 atau dirotan tidak melebihi 6 kali sebatan atau mana-mana gabungan hukuman yang dinyatakan manakala hukuman bagi kesalahan-kesalahan lain tidak memperuntukkan hukuman maksimum. Hukuman yang dikenakan terhadap pesalah adalah berdasarkan pertimbangan oleh Hakim Syarie. Namun, kecenderungan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah adalah hukuman denda sahaja (Siti Zubaidah Ismail, 2012). Berdasarkan kajian yang dilakukan, didapati terdapat sesetengah peruntukan dalam EKSNM 1991 hanya memperuntukkan hukuman kesalahan yang rendah. Hukuman yang rendah tidak menepati tujuan dan falsafah hukuman iaitu sebagai pengajaran kepada pesalah agar tidak mengulangnya semula dan juga sebagai pencegahan kepada masyarakat agar tidak melakukan kesalahan yang sama. Hukuman alternatif yang bersifat memulihkan pesalah berbanding menghukum boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah pada masa akan datang selaras dengan Maqasid Syariah dalam memperbaiki diri pesalah (Jasri Jamal & Hasnizam Hashim, 2016).

Analisis mendapati ESKNM 1991 agak lama dan tidak pernah digubal, dipinda atau diperbaharui. Terdapat peruntukan dalam enakmen ini yang subjektif, kabur dan dinyatakan secara umum sahaja (Azizah Mat Rashid et al.2015). Kekaburan ini akan menyebabkan kesukaran kepada PPA untuk memahaminya dan menyebabkan ianya ditafsirkan mengikut kefahaman sendiri dan seharusnya dipinda bagi memudahkan semua pihak melaksanakannya (Jasri Jamal, 2012). Undang-undang merupakan suatu yang hidup dan perlu dikembangkan selaras dengan keperluan dan kemajuan yang dicapai oleh sesebuah masyarakat sesuai dengan kaedah fikah iaitu hukum itu berubah dengan perubahan masa, keadaan dan tempat (Abdul Monir Yaacob,2009). Selain itu, jika dibandingkan dengan undang-undang jenayah negeri-negeri lain yang terkini seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013 dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, terdapat peruntukan-peruntukan yang relevan dengan realiti yang berlaku dalam masyarakat hari ini tidak terdapat dalam EKSNM 1991. Sebagai contoh, kesalahan doktrin palsu, menggalakkan maksiat dan sumbang mahram tidak terdapat dalam peruntukan EKSNM 1991. Justeru, perlu usaha-usaha pembaharuan undang-undang dilakukan bagi mengatasi kelompangan dan memastikan undang-undang tersebut kekal relevan, sesuai dengan peredaran zaman dan yang lebih utama ialah bertepatan dengan hukum Syarak berteraskan kepada maqasid Syariah.

ii. Peranan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA)

Bagi menjalankan dan melaksanakan penguatkuasaan undang-undang, pihak berkuasa atau individu yang menjalankan tanggungjawab perlu mempunyai kuasa dalam menjalankan tindakan. Dalam konteks jenayah Syariah, tindakan penguatkuasaan dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA). Pelantikan PPA di Negeri Melaka adalah tertakluk di bawah Seksyen 67 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka (EPAINM) 2002 yang memperuntukkan;

Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan atau perkhidmatan bersama, seorang Ketua Pegawai Penguat kuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguat kuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam.

PPA yang telah dilantik dan diwartakan di bawah EPAINM 2002 mempunyai bidang kuasa untuk menjalankan tindakan penguatkuasaan dan penyiasatan jika mana-mana orang Islam di Negeri Melaka melanggar mana-mana peruntukan yang telah ditetapkan. Di Negeri Melaka, PPA yang dilantik merupakan kakitangan di Bahagian Penguatkuasaan dan Unit Penguatkuasaan dan Pencegahan Pejabat Agama Islam Daerah Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan merupakan agensi yang diberi tanggungjawab untuk melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang jenayah Syariah yang berkuat kuasa di Negeri Melaka. PPA ini diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Penguatkuasa Agama (KPPA). Berikut adalah bilangan PPA di seluruh Negeri Melaka:

Jadual 1 Bilangan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) Negeri Melaka

Bahagian	Bilangan PPA
Bahagian Penguatkuasaan JAIM	28 orang
Pejabat Agama Islam Daerah Melaka Tengah	4 orang
Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah	4 orang
Pejabat Agama Islam Daerah Jasin	4 orang
Jumlah	40 orang

Sumber: Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka


Jadual 1 di atas menunjukkan bilangan PPA di seluruh Negeri Melaka. Berdasarkan data yang direkodkan, seramai 40 orang telah dilantik dan diwartakan sebagai PPA. Statistik penduduk Islam di Negeri Melaka adalah seramai 542,433 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Maka, nisbah bagi seorang PPA dengan bilangan penduduk Islam ialah 1: 13,561. Nisbah yang tinggi menunjukkan bilangan PPA sedia ada di Negeri Melaka adalah kurang dan perlu ditambah selaras dengan peningkatan kapasiti penduduk (Musa Awang, 2015) bagi menjalankan pelbagai tugas-tugas penguatkuasaan seperti rondaan, siasatan serta mencegah dan mengawal kemungkaran selain mengurangkan kadar jenayah Syariah yang berkaitan dengan akhlak, akidah dan kesalahan lain yang diperuntukkan dalam enakmen.

Sepertimana negeri-negeri lain, kesemua PPA di Negeri Melaka merupakan anggota perkhidmatan awam yang dilantik daripada skim perkhidmatan Hal Ehwal Islam. PPA yang dilantik terdedah ditukarkan di bahagian-bahagian lain sekiranya berlaku kekosongan dan kenaikan pangkat dan akan menyebabkan Bahagian Penguatkuasaan JAIM kehilangan PPA yang terlatih dan berpengalaman (Siti Zubaidah Ismail, 2008). Perkara ini dapat dielakkan sekiranya diwujudkan skim khas bagi PPA atau berlaku pertukaran secara dalaman Bahagian Penguatkuasaan sahaja dan tidak melibatkan pertukaran ke bahagian lain. Selain itu, PPA yang dilantik adalah daripada pelbagai latar belakang bidang berkaitan agama Islam namun bukan berlatarbelakangkan undang-undang syariah. Justeru, PPA perlu dilatih dengan sebaik-baiknya tentang penguatkuasaan dan penyiasatan, memahami kehendak dan peruntukan undang-undang serta mematuhi *standard operating procedure (SOP)* supaya tugas-tugas penguatkuasaan dijalankan dengan profesional dan berhemah. Ini kerana

penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah sering menimbulkan polemik di kalangan masyarakat yang menganggap PPA mencampuri urusan peribadi serta melakukan tugas dengan cara tidak profesional dan tidak berhemah. Tentunya salah faham ini menyebabkan undang-undang jenayah Syariah dipandang serong dan dianggap sebagai tidak praktikal pada masa kini.

iii. Statistik Kes Kesalahan Syariah Negeri Melaka

Dalam menjalankan tindakan penguatkuasaan, Bahagian Penguatkuasaan JAIM bergantung kepada maklumat yang diterima daripada orang awam berkaitan kesalahan jenayah Syariah. Selain itu, penguatkuasaan juga bergantung kepada operasi dan pemantauan yang dilakukan secara berkala oleh PPA. Bagi mendapatkan gambaran tentang penguatkuasaan kes kesalahan Syariah di Negeri Melaka, kajian memberi tumpuan kepada analisis statistik kes kesalahan Syariah negeri Melaka bagi tempoh 5 tahun. Kes kesalahan Syariah yang didaftarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM bagi tahun 2014 hingga 2018 adalah sepertimana berikut:



Rajah 1 Statistik kesalahan syariah di Negeri Melaka pada tahun 2014-2018
Sumber : Bahagian Penguatkuasaan JAIM 2014 2018

Rajah 1 di atas menunjukkan statistik kes kesalahan Syariah yang didaftarkan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM bagi tempoh 5 tahun bermula tahun 2014 hingga 2018. Berdasarkan data yang direkodkan, dalam tempoh 5 tahun ialah sebanyak 6916 kes didaftarkan atau purata sebanyak 1383 kes setahun berlakunya kesalahan jenayah Syariah di Negeri Melaka. Secara spesifiknya, bagi tahun 2015, sebanyak 1633 kes didaftarkan, meningkat sedikit iaitu sebanyak 21 kes (1.3%) berbanding tahun 2014 iaitu sebanyak 1612 kes. Namun, kes kesalahan syariah mencatatkan trend menurun bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini iaitu bermula tahun 2016 sebanyak 1611 kes iaitu penurunan direkodkan sebanyak 22 kes atau 1.3% berbanding tahun 2015 dan terus mencatatkan penurunan drastik sebanyak 479 kes (29.7%) kepada 1132 kes bagi tahun 2017 dan terus menurun sebanyak 204 kes (18%) menjadi 928 kes pada tahun 2018. Antara faktor-faktor yang menyebabkan penurunan kes ialah berkurangnya maklumat yang diterima daripada orang awam berhubung kesalahan jenayah Syariah dan juga keberkesanan aktiviti-aktiviti pencegahan seperti taklimat, pemasangan papan tanda di lokasi-lokasi tumpuan awam, iklan di radio, kempen-kempen dan kursus kesedaran kepada pesalah yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM (Nurhana, 2019).

Bagi memahami secara jelas statistik kes kesalahan Syariah Negeri Melaka mengikut jenis kesalahan atau seksyen adalah sepertimana berikut:

Jadual 2 Statistik Kes Kesalahan Syariah Negeri Melaka 2014-2018

CABARAN PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI NEGERI MELAKA

Bil	Seksyen	Seksyen	2014	2015	2016	2017	2018	Jumlah
1.	34	Menyubahati Sesuatu Perkara	0	0	3	5	1	9
2.	40	Pensubahat Boleh Dikenakan Seksaan Tambahan	0	0	0	0	1	1
3.	46	Tidak menunaikan sembahyang Jumaat	0	0	2	0	0	2
4.	49	Menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan	62	45	69	72	43	291
5.	50	Minuman yang memabukkan	42	32	18	12	31	135
6.	52	Percubaan persetubuhan haram	6	5	0	1	0	12
7.	53	Bersekediaman	636	676	609	386	367	2674
8.	54	Hamil di luar nikah	201	175	191	201	158	927
9.	55	Bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram	140	118	144	143	88	633
10.	57	Percubaan Liwat	2	0	0	0	0	2
11.	58	Perhubungan Jenis Luar Tabii	2	0	0	0	0	2
12.	59	Musahaqah	0	0	0	2	0	2
13.	60	Ajaran salah	4	0	2	0	0	6
14.	62	Mempersendakan Agama Islam	0	0	1	0	0	1
15.	63	Menghina agama Islam	0	0	32	1	0	33
16.	64	Menghalang Pihak Berkuasa Agama Menjalankan Tugas-Tugasnya	1	1	7	0	0	9
17.	65	Menghina pihak berkuasa agama	0	1	2	0	0	3
18.	66	Percubaan murtad	0	4	0	2	1	7
19.	69	Pemujaan	0	1	0	0	0	1
20.	71	Perbuatan tidak sopan	215	354	200	143	137	1049
21.	72	Lelaki berlagak seperti perempuan	10	6	9	4	6	35
22.	73	Melarikan isteri atau anak dara orang lain	2	0	0	0	0	2
23.	74	Melacurkan Isteri dan Anak	1	0	0	0	0	1
24.	75	Melacurkan diri	8	16	20	3	1	48
25.	81	Berjudi	231	168	249	111	64	823
26.	89	Pungutan yang tak sah	35	30	52	35	28	180
27.	92	Takzir	14	0	1	11	0	26
		Jumlah	1612	1633	1611	1132	928	6916

Sumber : Bahagian Penguatkuasaan JAIM 2014 2018

Jadual 2 di atas menunjukkan statistik kes kesalahan Syariah yang berlaku di Negeri Melaka dalam tempoh 5 tahun bermula tahun 2014 hingga tahun 2018 mengikut seksyen atau jenis kesalahan. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 6916 kes kesalahan Syariah direkodkan melibatkan semua jenis kesalahan.

Daripada aspek jenis kesalahan, analisis mendapati hanya 27 jenis kesalahan iaitu sebanyak 45.8% ditangani oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM dalam tempoh 5 tahun berbanding dengan 59 jenis kesalahan yang diperuntukkan. Manakala sebanyak 54.2% atau 32 jenis kesalahan tidak ditangani dalam tempoh yang sama. Hanya 2 jenis kesalahan dikuatkuasakan di bawah Bahagian III bagi kesalahan subahat manakala 25 jenis kesalahan di bawah Bahagian IV bagi kesalahan-kesalahan lain. Justeru, dapat dilihat penguatkuasaan jenayah Syariah di Negeri Melaka tidak dilaksanakan secara menyeluruh kerana hanya sebahagian sahaja jenis kesalahan ditangani oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM manakala sebahagian lagi tidak. Penguatkuasaan yang tidak menyeluruh tentunya akan menimbulkan polemik di kalangan masyarakat Islam yang menganggap undang-undang jenayah Syariah sebagai lemah dan tidak berfungsi (Azizah Mat Rashid et al, 2016).

Analisis statistik kes menunjukkan terdapat 8 jenis kesalahan yang mencatatkan jumlah kes yang tinggi. Jenis kesalahan yang mendominasi, tertinggi dan kerap berlaku yang dicatatkan dalam tempoh 5 tahun dan pada setiap tahun ialah kesalahan di bawah Seksyen 53 bagi kesalahan bersekediaman iaitu sebanyak 2674 kes, diikuti kesalahan perbuatan tak sopan di bawah Seksyen 71 iaitu sebanyak 1049 kes, kesalahan seksyen 54 iaitu hamil luar nikah sebanyak 927 kes, Seksyen 81 bagi kesalahan berjudi sebanyak 823 kes, kesalahan subahat persetubuhan haram di bawah Seksyen 55 sebanyak 633,

seksyen 49 iaitu menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan sebanyak 291 kes, Seksyen 89 iaitu pungutan tak sah sebanyak 180 kes dan kesalahan seksyen 50 minum minuman memabukkan sebanyak 135 kes. Manakala bagi kesalahan lain seperti Seksyen 75 iaitu melacurkan diri sebanyak 48 kes dan kesalahan melibatkan transgender iaitu seksyen 72 lelaki berlagak seperti perempuan sebanyak 35 kes. Analisis juga mendapati kebanyakan kes kesalahan jenayah Syariah mencatatkan trend menurun bagi tempoh 3 tahun kebelakang iaitu pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Sebagai contoh, bagi kesalahan bersekediaman, pada tahun 2016, sebanyak 609 kes direkodkan dan berlaku penurunan drastik sebanyak 223 kes (36.6%) kepada 386 kes bagi tahun 2017 dan terus menurun sebanyak 19 kes (4.9%) kepada 367 kes pada tahun 2018. Satu-satunya jenis kesalahan yang mencatat kenaikan ialah bagi kesalahan minum minuman memabukkan iaitu sebanyak 18 kes pada tahun 2016, menurun kepada 12 kes pada tahun 2017 namun meningkat secara drastik sebanyak 19 kes (158%) kepada 31 kes pada tahun 2018.

Penguatkuasaan jenayah Syariah di Negeri Melaka juga melibatkan pelbagai kategori kesalahan mengikut jenis. Berikut adalah analisis jenis kesalahan mengikut kategori:

Jadual 3 Jenis kesalahan mengikut kategori

Bil	Kategori	Jenis kesalahan
1.	Kesalahan berhubung dengan akidah	3
2.	Kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama Islam dan institusinya	4
3.	Kesalahan berhubung dengan rukun Islam, Arak, Judi dan Kesusilaan	6
4.	Kesalahan Seksual	9
5.	Kesalahan berhubung dengan kesejahteraan orang lain	1
6.	Kesalahan Pelbagai	4
	Jumlah	27

Sumber : Bahagian Penguatkuasaan JAIM 2014 2018

Jadual 3 menunjukkan jenis-jenis kesalahan mengikut kategori yang ditangani oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM. Analisis mendapat kategori kesalahan seksual merupakan kategori utama tindakan penguatkuasaan dijalankan. Sebanyak 9 jenis kesalahan di bawah kategori seksual iaitu kesalahan percubaan persetubuhan haram, bersekediaman, hamil di luar nikah, bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram, percubaan liwat, perhubungan Jenis luar tabii, musahaqah, melacurkan isteri dan anak dan melacurkan diri. Ini menunjukkan kesalahan-kesalahan berkaitan dengan seksual menjadi fokus utama penguatkuasaan di Negeri Melaka. Kesalahan seksual diberikan penegasan dan tumpuan kerana kesalahan ini membawa kepada perkara-perkara yang diharamkan oleh hukum Syarak iaitu zina dan liwat. Perbuatan zina dan liwat tentunya memberi kesan kepada masyarakat seperti penyebaran penyakit berjangkit seperti AIDS, HIV dan penyakit kelamin sekiranya tidak dibanteras dengan tegas. Selain itu, penguatkuasaan kesalahan seksual adalah menepati tujuan undang-undang Syariah iaitu menjaga kehormatan diri dan menjaga keturunan berteraskan kepada prinsip-prinsip Maqasid Syariah.

Kategori kedua kesalahan yang sering ditangani oleh Bahagian Penguatkuasaan JAIM ialah Kesalahan berhubung dengan rukun Islam, Arak, Judi dan Kesusilaan. Terdapat 6 jenis kesalahan yang direkodkan iaitu kesalahan tidak menunaikan sembahyang Jumaat, menjual makanan dan makan dalam bulan Ramadan, minum minuman yang memabukkan, perbuatan tidak sopan, lelaki berlagak seperti perempuan dan berjudi. Kesalahan-kesalahan ini diberi tumpuan melibatkan rondaan dan pemantauan yang dijalankan secara berkala oleh PPA di tempat-tempat awam kerana sering dilakukan secara terbuka dan terang-terangan. Perbuatan yang dilakukan secara terang-terangan seolah-olah tidak menghormati undang-undang Islam yang sedang berkuat kuasa dan boleh mencemarkan agama Islam. Kedua-dua kategori kesalahan iaitu kesalahan berhubung dengan seksual dan kesalahan berhubung dengan rukun Islam, arak, judi dan kesusilaan ini merupakan kesalahan-kesalahan berkaitan dengan moral, akhlak dan tatatusila dalam masyarakat.

Bagi kategori kesalahan yang berkaitan dengan akidah dan kesejahteraan orang lain amat kurang diberi penumpuan dan penekanan di Negeri Melaka. Analisis menunjukkan, bagi kesalahan berkaitan akidah, hanya 3 jenis kesalahan iaitu kesalahan ajaran salah, percubaan murtad dan pemujaan yang ditangani manakala hanya 1 jenis kesalahan berhubung dengan kesejahteraan orang lain bagi kesalahan melarikan isteri atau anak dara orang lain. Bagi kes-kes berkaitan dengan kesalahan akidah, dalam tempoh 5 tahun pada tahun 2014 hingga 2018 mencatatkan keseluruhannya sebanyak 14 kes melibatkan 6 kes bagi kesalahan ajaran salah, 7 kes kesalahan percubaan murtad dan 1 kes bagi kesalahan pemujaan. Kesalahan yang berkaitan dengan akidah tentunya sukar dan kompleks untuk dikendalikan dan memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak. Peranan masyarakat amat penting dalam memberikan maklumat berhubung kegiatan atau aktiviti yang bercanggah dengan akidah Islam dan tugas ini tidak hanya dipertanggungjawabkan kepada pihak berkuasa agama semata-mata (Siti Zubaidah Ismail, 2010). Ini kerana masyarakat merupakan golongan terawal yang boleh mengesan berlakunya perbuatan yang menyeleweng dengan akidah berlaku di kawasan mereka. Maklumat awal ini penting agar tindakan segera dapat dilakukan dan dapat membantu PPA mengendalikan siasatan dan risikan berhubung kesalahan yang berkaitan dengan akidah. Justeru, kesalahan-kesalahan akidah dapat dibanteras dan dibendung daripada terus menular di kalangan masyarakat dengan cepat dan berkesan serta dapat menyelamatkan akidah umat Islam.

Penguatkuasaan jenayah syariah di Negeri Melaka lebih cenderung dalam memberikan tumpuan kepada kes-kes yang popular dan mudah. Kes-kes kesalahan seperti bersekediaman, perbuatan tak sopan, lelaki berlagak seperti perempuan dan perisetubuhan haram adalah contoh kes-kes yang mudah dibuktikan. Bahkan kes-kes berkaitan akidah sukar untuk dikuatkuasakan kerana lebih kompleks yang memerlukan tahap kemahiran dan pengalaman yang tinggi dalam mengendalikan serbuan, tangkapan dan siasatan (Jasri Jamal, 2012). Walau bagaimanapun, PPA perlu mengatasi segala kelemahan dalam penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah bagi memastikan peruntukan kesalahan dilakukan secara menyeluruh dan berkesan.

Kesimpulan

Bidang kuasa penguatkuasaan jenayah syariah merupakan bidang kuasa negeri sepertimana ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu, terdapat perbezaan dalam pelaksanaannya di setiap negeri mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Negeri. Selain daripada keperluan kepada kemudahan logistik dan frasarana, Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) perlu terlatih dan mempunyai kemahiran dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan supaya tidak timbul fitnah dan tohmahan dalam membanteras maksiat. Statistik kes kesalahan syariah menunjukkan masyarakat lebih cenderung melakukan kesalahan yang melibatkan moral dan akhlak. Usaha-usaha memartabatkan undang-undang jenayah syariah melalui tindakan penguatkuasaan perlu dipertingkatkan. Segala kelemahan dan kekurangan perlu ditangani oleh Pihak Berkuasa Agama dengan komitmen dengan mencari kaedah terbaik dalam menyelesaikan masalah yang timbul dari semasa ke semasa. Usaha-usaha berterusan perlu dilakukan dalam meningkatkan kualiti pentadbiran dan pengurusan sistem berkaitan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah khususnya penguatkuasaan dalam Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991 agar setiap tindakan penguatkuasaan dijalankan secara profesional dan berhemah.

RUJUKAN

- Abd al-Qadir Audah. (t. th). *Al-tasyri' al-jana'iy al-Islamiy muqarinan bi al-qanun al-wada'i*. Lubnan: Dar al-katiba al-^oaza.
- Abdullah al-sahli. (2004). *Al-Isytiraq al-mu'tamad fi al-jinayah 'ala al-nafs bi al-qatl aw al-jarh*, Madinah: Al-jami'ah al-Islamiyyah bi al-Madinah al-Munawwarah.
- Abdul Monir Yaacob. (2009). Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: satu Penilaian. *Jurnal Fiqh*, No.6, 1-20.
- Alias Azhar (2018). Integrasi Hisbah dan Dakwah Dalam Prosedur Penguatkuasaan Undang-Undang Kesalahan Maksiat Dan Jenayah Khalwat Di Malaysia. *Jurnal Hukum dan Pemikiran*, Vol. 18, No. 1, 119-138.
- Al-Mawardi. (1989). *Kitab al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-wilayat al-diniyyah*. Beirut: Maktabah Dar Ibnu Qutaibah.
- Azizah Mat Rashid et al. (2015). Pendekatan dakwah dalam Pelaksanaan undang-undang: kajian terhadap kesalahan berkaitan akhlak di Selangor. Kuala Lumpur: *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2015 (IRSYAD 2015)*, 1-12.
- Azizah Mat Rashid et al. (2016). Ketidakteraturan peruntukan berkaitan kesalahan moral dalam Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia: Satu analisis. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah 2016 (IRSYAD 2016)*, 102-122.
- Babbie E. 2010. *The Practice of Social Research*. USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014.
- Hussin Che Pa et al. (2016). Bidang Kuasa Eksklusif Mahkamah Syariah Selepas Pindaan Perkara 121(1a) Perlembagaan Persekutuan: Satu Penilaian. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Volume 3, 1-13.
- Ibrahim Deris & Hanifah Haidar. (2015). Penggunaan Garis Panduan Dan Etika Dalam Penambahbaikan Perjalanan Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Kesalahan Syariah. *27 Kanun* (1), 102-121.
- Ibrahim Anis. (2004). *Al-Mu'jam al-Wasit*. Mesir: Maktabah al-Syuruq al-Dauliyyah.
- Ibnu Manzur, Abu al-Fadhl Jamaluddin bin Muhammad. (1999). *Lisan al-^oArab*, Beirut: Dar ihya' al-turath al-^oarabiyy.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). *Banci Penduduk dan Perumahan 2010*. Diakses melalui <https://www.statistics.gov.my/censusatlas/images/ReligionEN.pdf>

- Jasri Jamal. (2012). Pertambahan Bidang Kuasa Jenayah Syariah: Impaknya Terhadap Institusi Kehakiman Syariah Di Malaysia. *Shariah Law Reports Articles*, 2012, Vol.1, 1-7.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman bagi Kes-Kes Jenayah Syariah. *Jurnal Ulum Islamiyyah*, Vol. 12, 87-103.
- Jasri Jamal & Hasnizam Hashim. (2016). Hukuman Alternatif Di Mahkamah Syariah: Keperluanpenambahbaikan Peruntukan Perundangan Syariah Negeri-Negeri. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Volume 3,1-16.
- Kamus Undang-Undang*. (2008). Petaling Jaya: International Law Book Services.
- Mohd Mustaffa Jusoh et al. (2017) Kelangsungan Syariat Islam Menerusi Perundangan Malaysia. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, Vol. 13, Issue, 161-169.
- Musa Awang (2015). Dimanakah kita dalam pemantapan pentadbiran keadilan Jenayah Syariah?. 27 *Kanun* (1), 55-84.
- Nurhana. (2019). Keberkesanan Bahagian Penguatkuasaan (JAIM) dalam Menangani Kes Jenayah Syariah Negeri Melaka. *Journal of Islamic, Social, Economics, and Development (JISED)*, 4(17), 1 – 11.
- Paizah Hj Ismail. (2007). Kedudukan Mazhab Syafi’I dalam Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, No. 4, 237-250.
- Sa’adi Abu Habib. (1993). *Al-Qamus al- Fiqh lughah wa al-istilah*. Syria: Dar al-Fikr.
- Sabitha Marican. 2005. *Kaedah penyelidikan sains sosial*. Petaling Jaya, Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Shamrahyu A. Aziz. (2007). Islamic Criminal Law in the Malaysian Federal Structure: A Constitutional Perspective. *IIUM Law Journal* 15, 101-120.
- Siti Rahmaniah Bachok. (2010). Pelaksanaan penguatkuasaan kes hamil dan melahirkan anak luar nikah di negeri Melaka dan Negeri Sembilan: Satu kajian bandingan.
- Siti Zubaidah Ismail. (2008). Dasar penguatkuasaan dan pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: satu analisis. *Jurnal Syariah*, Jil. 16 (Keluaran Khas), 537-554.
- Siti Zubaidah Ismail. (2010). Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-Undang Dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 2, 247-276.
- Siti Zubaidah Ismail. 2012. Kajian Semula Terhadap Undang-Undang Jenayah Syariah. Dlm. Siti Shamsiah Md Supi (pnyt.). *Korpus Undang-Undang Islam Di Malaysia: Semakan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Siti Zubaidah Ismail. (2014). Hudud Dan Undang-Undang Jenayah Syariah Dalam Kerangka Perlembagaan Dan Sistem Perundangan “Dualisme”: Komitmen Pelaksanaan Ke Arah Membendung Jenayah Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 22, Bil. 2, 193-212.

- Suryati Ishak. (2016). The costs of crime to the society in Malaysia. *International Journal of Business, Economics and Law*, Jil. 11, Isu 3, 13-18.
- Syed Salim Syed Shamsuddin & Hasnizam Hashim. (2017). Konsep Pengawasan Moral Dan Hak Asasi Manusia: Tinjauan Mengikut Perundangan Syariah. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, Volume 6, 114-137.
- Yusof Al-Qaradawi. (1998). *Panduan memahami syariat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Ilmi.
- Zulfikri Yaso. (2008). Kesalahan-kesalahan jenayah syariah di Mahkamah Syariah.
- Zulkifly Muda. (2010). *The concept of crime and criminal law in Islam*. Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia: Samasa Press Sdn Bhd.